



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.


Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Illahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Jasa Terindah

Nik Saifarysha Nik Saifuldin

Fasha Irdina.

Cantik nama itu, kan? Tetapi tuan yang memiliki nama itu tidaklah seindah nama. Mengapa aku kata begitu? Kerana tuan nama itu memiliki suatu kekurangan yang akan kekal seumur hidupnya yang dipanggil disleksia. Gangguan pembelajaran ini membataskan seseorang untuk melakukan perkara asas, misalnya menulis, mengira, mengeja, dan membaca.

Aku adalah orangnya!

Kerana kekurangan ini, aku dihantar ke sekolah khas. Tetapi sayang, aku langsung tidak menunjukkan minat untuk belajar. Dalam kelas, sikap aku lebih pendiam dan kurang aktif berbanding dengan kawan-kawan sebaya aku. Aku selalu menerima teguran dan keluhan daripada cikgu-cikgu aku, tetapi tiada satu pun yang aku ambil peduli.

Asbab itulah, aku jauh ketinggalan daripada kawan-kawan senasib aku. Di saat mereka sudah mahir mengira, aku masih terkial-kial mengira menggunakan jari. Ketika mereka sudah bijak menulis dengan sempurna, tangan aku masih kekok memegang pensel dan tulisan aku sangatlah buruk seperti cakar ayam.

Setiap hari di sekolah, aku terasa masa berlalu dengan lambat untuk aku pulang dan lari dari semua itu! Aku sedih melihat keadaan diri aku yang jauh tertinggal. Aku sudah cuba memaksa diri aku untuk belajar, tetapi tidak mampu.

Aku juga hampir putus asa dengan diri sendiri, seperti mana guru-guru dan ibu bapaku hampir berputus asa dengan aku. Tetapi semuanya berubah dengan sebuah objek yang dipanggil BUKU...

Entah mengapa setiap kali aku melihat objek itu, hati aku meronta-ronta untuk melihat isinya. Tetapi keupayaan membaca aku yang masih lemah telah membataskan aku. Setiap kali mata aku terpancang logo sesebuah kedai buku itu, kaki aku terus mendesak aku untuk masuk.

Ketika melihat susunan buku-buku di rak dari luar tingkap, hatiku merayu-rayu untuk mencapai dan membacanya. Aku terus menidakkan kehendak diri ini sehingga suatu hari, aku memutuskan untuk mengalah dan mula menunjukkan minat terhadap objek itu.

Aku tertarik melihat buku-buku yang mempunyai gambar yang terang dan berwarna-warni. Namun, kerana kebolehan membaca aku masih terbatas, adalah sukar untuk aku hanya membaca dengan melihat gambar sahaja. Dari situ, aku bertekad untuk menguasai kemahiran membaca.

Setiap hari, aku berusaha untuk mempelajari perkataan baharu bagi melancarkan ucapanku. Orang di sekelilingku sudah pastinya terkejut dengan perubahan ini. Namun, aku merasa bangga melihat kemajuan diriku.

Dari hanya memilih buku-buku yang nipis dan bergambar, kini aku mengambil langkah berani untuk memilih buku yang lebih tebal dan tidak bergambar, seperti novel. Semakin lama aku berusaha, semakin gembira aku dengan hasilnya. Aku gembira apabila aku mampu membaca tanpa bantuan sesiapa.

Aku makin gembira apabila dari tekad ini, aku dapat menguasai kemahiran lain seperti menulis. Aku gembira kerana dari tekad ini, aku mempunyai hobi yang lebih bermanfaat. Jika dulu aku gemar duduk di rumah untuk menonton televisyen, sekarang aku lebih gemar menghabiskan masa dengan membaca koleksi buku-bukuku.

Semakin meningkat umurku, sudah banyak novel, majalah, artikel, cerpen, dan seangkatan dengannya yang telah aku baca untuk menambah ilmu pengetahuanku.

Tetapi...

Aku merasa sedih kerana semakin aku membesar dan melihat isi dunia, semakin jauh diriku daripada objek buku ini. Jika dulu aku sanggup menghabiskan masa berjam-jam untuk menghabiskan sesuatu buku, sekarang aku lebih kerap menghabiskan masa dengan telefon bimbit.

Jika dulu aku teliti menelaah jalan cerita yang dikarang oleh penulis buku itu, sekarang semua kata-kata itu seolah tidak memberi kesan kepadaku. Aku bosan! Kenapa aku jadi begini? Ke mana pergi diriku yang lama? Ke mana pergi Fasha Irdina yang digelar ulat buku oleh rakan-rakannya?

Mungkin ini disebabkan oleh zaman teknologi yang semakin maju dalam industri pembukuan. Novel dan buku fizikal tidak lagi menjadi tarikan; orang ramai lebih gemar membaca sesebuah cerita hanya melalui skrin telefon atau yang dipanggil e-book.

Tapi aku ada jawapan peribadiku. Mungkin aku semakin hilang minat untuk membaca disebabkan jalan cerita novel-novel yang dipasarkan di rak kedai buku sudah tidak menarik dan kerap kali mengulang cerita yang sama. Setiap kali aku melangkah masuk ke dalam kedai buku, apa yang aku lihat di rak buku hanya novel cinta dengan jalan cerita yang berulang dan klise.


Jika di genre lain pula, seperti thriller dan seram, juga sama. Jalan cerita yang sama seolah-olah penulis-penulis di negara ini terlalu takut untuk keluar dari zon selesa dengan mencuba sesuatu yang baharu, apatah lagi mencuba konsep baharu yang tidak pernah dilakukan sebelum ini untuk menarik semula minat masyarakat untuk membaca.

Dari situ, aku berubah dari seorang pembaca menjadi seorang penulis. Aku ingin menghasilkan sebuah karya yang lain daripada yang lain, dan kerana tiada penulis yang akan melakukannya, biar aku yang buat! Biar aku memuaskan keinginan aku dan pembaca-pembaca di luar sana yang turut inginkan sesuatu yang berbeza daripada industri buku negara ini.

Aku tahu ini pasti tidak akan menjadi perkara yang mudah bagiku. Tetapi aku akan tetap berusaha, dan mungkin ini boleh mengembalikan minat aku untuk membaca. Aku teringin merasai semula keseronokan membaca seperti zaman remajaku. Sedih hati aku bila terdetik rasa bosan saat membuka sesebuah buku dan kembali menutupinya setelah lima minit membaca.


Aku tidak akan lupakan jasa buku kepadaku. Buku adalah penguat semangatku untuk belajar, buku adalah teman penghiburku, dan buku adalah yang telah menguatkan aku untuk terus berusaha sehingga aku boleh berada di mana aku sekarang.

Buku juga adalah guru kehidupanku. Aku tidak akan mampu melupakan budi yang telah ditaburkan oleh buku dalam hidupku. Aku berharap suatu hari nanti, aku dapat menghasilkan karya sendiri dengan menggunakan ilmu pengetahuan yang telah aku peroleh dari tabiat membacaku. Terima kasih, buku, kerana memberikan jasa terindah kepada insan ini.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

